

TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATO' DR. MUSA AHMAD
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2016

23 FEBRUARI 2016 (SELASA)
9.00 PAGI
DEWAN TUANKU CANSOLOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Terima Kasih Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan nama Allah yang maha Pengasih & maha Penyayang
Selawat & salam ke atas junjungan Rasulullah saw

[Rujuk Salutsasi]

Assalaamu'alaikum warahmatullaahi wabarakaatuh

Salam Sejahtera dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli

Berhimpun di sini menekuni amanat
Membentang strategi membakar semangat
USIM 16 semakin tersurat
Bulatkan tekad menggapai matlamat

ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua dapat sama-sama kita berkumpul pada pagi ini bersempena Majlis Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2016.

TUJUAN DAN FOKUS AMANAT

Hadirin sekalian,

2. Tahun 2016 merupakan tahun yang penting dalam pelan strategik universiti iaitu USIM menjadi pusat rujukan serantau dalam pengintegrasian ilmu naqli dan aqli. Bertepatan dengan misi penting ini, maka tema amanat Naib Canselor USIM tahun ini adalah **“MELAKSANA STRATEGI MENSASAR USIM 16”**. Amanat pada pagi ini akan bersifat inklusif kerana ia akan berkait langsung dengan semua warga USIM samada ahli akademik, kumpulan pentadbir dan pelaksana serta golongan mahasiswa yang bersinergi dalam Pelan Strategik USIM 2016-2025 atau singkatannya **PS-USIM:16&25**. Untuk makluman semua, PS-USIM:16-25 telah pun dimuktamadkan dengan beberapa siri bengkel sebelum ini. Pelan ini telah diujarkannya supaya selari dan menyokong 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) [PPPM (PT)]. Ia mengandungi 7 teras yang mencakupi semua komponen utama dalam konteks pendidikan tinggi mutakhir ini. Uniknya Pelan Strategik USIM, ia bukan sahaja diujarkannya dengan PPPM (PT) bahkan, diujarkannya juga dengan keperluan MyRA, KPI KPT serta elemen integrasi ilmu naqli dan aqli dalam setiap teras yang dibangunkannya.

3. Majlis pelancaran ringkas dokumen PS-USIM:16&25 telah diadakan pada 21 Januari 2016 dengan dihadiri oleh semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di USIM. Dokumen ini disampaikan secara serahan tangan oleh Naib Canselor USIM kepada semua ketua PTJ. Ini sebagai satu simbolik bahawa **PS-USIM:16&25** bukan urusan 'main-main' dan perlu diambil serius oleh semua warga USIM.

Hadirin sekalian,

Titip Jaya Amanat 2015

4. Di awal majlis amanat ini telah ditayangkan video imbasan kejayaan USIM sepanjang tahun 2015 yang lalu. Sebahagian besarnya adalah merupakan puncak jaya yang direncanakan dalam amanat Naib Canselor USIM pada tahun lalu, alhamdulillah. Ingin saya kongsi bahawa sebahagian dari 17 inisiatif strategik dalam Amanat Naib Canselor 2015 telah kita realisasikan secara bersama dan telah memberi impak tersendiri kepada Universiti.
 - i. **Aspek Pentadbiran:** Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) ditubuhkan pada Februari 2015 selepas mendapat persetujuan LPU BIL. 6/2015

dan mula beroperasi pada Mei 2015. Tujuan penubuhan ialah bagi memantapkan lagi pembudayaan dan amalan integrasi ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) dalam empat fungsi dan peranan utama USIM iaitu pentadbiran, akademik, penyelidikan dan pembangunan mahasiswa. Pada tahun 2015, beberapa aktiviti telah dijalankan oleh PIINA iaitu *Kursus Pengenalan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli* bagi kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik serta *Bengkel Pemurnian dan Penulisan Modul Kursus Tahap Penataran Pengenalan Integrasi INaQ*.

- ii. Daripada **aspek penjanaan kewangan**, USIM mensasarkan untuk mengumpul RM55 Juta pada tahun 2015 menerusi 14 pelan tindakan. Suka untuk saya khabarkan bahawa inisiatif ini tercapai dengan jayanya apabila USIM berjaya menjana **RM61,098,611.43** iaitu peningkatan sebanyak 11% daripada sasaran. Tahniah kepada pasukan Pejabat Bendahari !
- iii. **Aspek Akademik** : Penawaran program baharu akademik iaitu Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam, serta Sarjana Perbankan Islam dan Sarjana Kewangan Islam telah ditawarkan pada Semester 1 Sesi Akademik 2015/2016. Berdasarkan analisa populariti pilihan pertama menerusi sistem

UPU Online, program ini memperoleh kadar nisbah permohonan 3 kali ganda daripada unjuran dan merupakan program pilihan paling popular berbanding program akademik lain yang telah ditawarkan di USIM dengan menduduki *ranking* pertama. Tahniah Fakulti Ekonomi & Muamalat!

- iv. Daripada aspek pengantarabangsaan, kerjasama USIM dengan Universiti luar negara turut diperkukuhkan lagi dengan kesinambungan daripada pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Daffodil International University (DIU), Bangladesh pada Semester I, Sesi Akademik 2015/2016 dan Islamic International University Chittagong (IIUC) dari Bangladesh bagi ambilan kumpulan kali ketiga pada Semester I, Sesi Akademik 2015/2016. MoA antara USIM dengan kedua-dua universiti ini adalah berkaitan dengan penawaran program PhD kepada staf akademik daripada kedua-dua universiti berkenaan.
- v. Aspek penyelidikan: Di International *Invention & Innovation Exhibition* (ITEX) USIM telah menghantar sebanyak enam penyertaan dan telah berjaya menggondol sebanyak 5 pingat emas dan 1 perak. Malah, produk SMART Iqra' Braille telah mendapat

anugerah khas iaitu anugerah INPEX (Excellent Award Pittsburgh USA). Ini adalah pencapaian terbaik USIM dalam ITEX setakat ini. Pada peringkat antarabangsa pula, USIM telah menghantar 3 produk inovasi ke British Invention Show 2015 yang berlangsung di Barbican Exhibition Center di London. Melalui 3 produk ini USIM telah berjaya merangkul 2 pingat emas dan 1 pingat perak. USIM turut menerima 2 anugerah khas 'Double-Gold For International Innovation of The Year'. Ini juga merupakan pencapaian terbaik USIM dalam British Invention Show apatah lagi USIM sekadar menghantar pelajar *undergraduate* sahaja untuk mewakili universiti.

- vi. **Perkembangan e-Pembelajaran** melalui *Massive Open Online Course* (MOOC) Kebangsaan di mana tiga (3) Kursus USIM telah dibangunkan dan boleh diakses melalui platform *openlearning.com* iaitu Kursus Fiqh Ibadah dan Munakahat, Kursus Bahasa Arab 1 dan Kursus Pengajian Halaqah. Selain itu, USIM merupakan universiti awam pertama yang berdaftar bersama Apple iTUNES university di mana dokumen USIM telah dirujuk secara global oleh lebih 15 buah negara khususnya daripada Amerika Syarikat yang merupakan perujuk terbesar iaitu sebanyak 36%.

- vii. Daripada aspek kelestarian kampus, beberapa program telah dijalankan antaranya:
- a. USIM's *Environmental Sustainability And Awareness Campaign-USIMBIOSIS* dan kempen menanam 50 pokok sumbangan *TESCO Stores (M) Sdn Bhd*;
 - b. *USIM Green's Walk*, program penanaman puluhan batang pokok teduhan sumbangan Jabatan Landskap Negara-Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)di USIM.

Secara keseluruhannya, boleh saya simpulkan bahawa 17 inisiatif yang telah dinyatakan di dalam Amanat Naib Canselor 2015 semuanya tercapai.

ISI UTAMA AMANAT 2015

MENGANGKAT MENARA ILMU NAQLI DAN AQLI

Hadirin sekalian

**Tiupan bayu merubah musim
Gelora lautan pantai terkesan
Naqli dan Aqli landasan USIM
Integrasi keduanya membentuk insan**

5. Sebagaimana kita sedia maklum, integrasi ilmu naqli dan aqli dalam program akademiknya adalah roh dan keunikannya kepada universiti ini. Kerana itulah kita meletakkan Teras 1 PSUSIM1625 adalah **Pembelajaran & Pengajaran Berteraskan Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli**. Strategi pertama adalah mensasarkan agar semua fakulti dapat menjalankan sekurang-kurangnya satu program akademik berbentuk pemindahan kredit atau *elektif posting* melibatkan Universiti sekurang-kurangnya di peringkat serantau. Sehingga kini, USIM telah menjalankan program pemindahan kredit bersama Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei, Universitas Islam Indonesia (UII) dan Prince Songkhla University Thailand. Pada tahun ini, inisiatif untuk mengembangkan aktiviti ini ke negara Asia Tengah seperti Khazakhstan akan dimulakan oleh FEM.

6. Selain daripada itu, selaras dengan KPI yang ditetapkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, USIM perlu meningkatkan enrolmen pelajar peringkat antarabangsa kepada 874 USIM berusaha untuk mendapatkan pelajar-pelajar menerusi dana wakaf yang diterajui oleh Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf. Promosi USIM telah dilakukan di Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia bagi mencari pelajar-pelajar berkualiti dan memenuhi syarat kemasukan ke USIM. Selain itu, USIM turut

melebarkan sayap dengan mempromosikan program USIM ke Sri Lanka dan Oman menerusi program di bawah *Graduate School of Muamalat*. USIM juga akan mendapat penajaan waqaf dari Malaysia-Turki Association berjumlah RM400,000/tahun untuk 3 tahun untuk penajaan pelajar antarabangsa.

7. Pengambilan pelajar Program Tamhidi yang berkualiti akan ditingkatkan menerusi pengambilan pelajar berlatar belakang Sains dengan Hafazan Al-Quran di peringkat sekolah menengah yang memperoleh keputusan yang cemerlang untuk kemasukan ke USIM. Untuk tujuan ini, USIM telahpun memulakan perbincangan untuk mendapatkan pelajar-pelajar cemerlang daripada Sekolah Menengah Imtiyaz dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab menerusi tajaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Yayasan Terengganu dengan saluran kemasukan khas ke USIM.
8. USIM dijangka melahirkan graduan yang holistik dan seimbang menerusi penawaran program '*fast-track*' kepada pelajar-pelajar Kolej PERMATA Insan untuk menamatkan pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Kedoktoran seawal umur 22 tahun serta merancang untuk menghasilkan calon *Nobel Laureate* secara jangka panjang. Selain daripada itu, USIM juga akan

menawarkan program berbentuk Dwi-Ijazah (*Double Degree*) yang menggabungkan dua program daripada dua bidang yang berbeza yang sedia ada di USIM dengan kombinasi Program Sains dengan Pengajian Islam untuk melahirkan graduan yang seimbang yang mempunyai Integrasi Ilmu Naqli Aqli.

9. Program Future Muslim Leaders (FML) yang diterajui oleh Jabatan Canselori akan menggilap kecemerlangan akademik pelajar serta mengasah bakat kepimpinan pelajar. Pelajar untuk program FML ini dipilih dikalangan 1% pelajar terbaik USIM yang telah melepasi proses saringan yang ketat. Seramai 35 orang pelajar tahun satu akan mengikuti program FML ini di mana kursus-kursus berkaitan kepimpinan, bakat dan latihan yang akan dianjurkan setiap semester kepada pelajar sehingga ke tahun akhir pengajian. Program FML adalah merupakan sumbangan USIM kepada Negara dalam penyediaan pemimpin Islam pelapis.

10. Pada tahun 2016, USIM menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menggunakan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu atau *Integrated Cumulative Grade Point Average* dengan singkatan nama i-CGPA. i-CGPA akan mula diperkenalkan kepada pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda kemasukan Sesi

2016/2017 di mana sistem ini akan menggabungkan keputusan akademik pelajar dan model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) dengan komposisi 70% komponen akademik dan 30% komponen GIINA.

11. USIM akan memperkenalkan sistem rating untuk semua program akademik peringkat prasiswazah yang ditawarkan di USIM. Program yang tidak berdaya saing dan kurang permintaan akan dikaji semula dan jika perlu akan dijumlahkan.
12. Penglibatan kakitangan akademik diperingkat university serantau akan terus dipertingkatkan melalui penerbitan jurnal, penganjuran seminar dan latihan sangkutan atau sabatikal menggunakan platform *Consortium of Islamic Institutions of Higher Learning for Academic Quality and Research Advancement* atau singkatannya adalah i-IQRA. Pada tahun lepas, negara Thailand telah menyertai konsortium ini menjadikan empat negara yang bekerjasama di bawah bumbung i-IQRA iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand. Pada tahun ini, negara Filipina dijangka akan turut menyertai konsortium ini yang menekankan tiga elemen utama yang penting di bawah i-IQRA iaitu akademik, penyelidikan dan pelajar.

13. Bagi membolehkan USIM dirujuk di peringkat serantau pada tahun 2016, satu sistem profil kepakaran kakitangan Universiti yang mempunyai bidang kepakaran dalam aspek Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli akan dibangunkan berdasarkan sistem *Directory of Expertise (DOE)* Sistem eAkademik.
14. USIM berhasrat membuat semakan dan pemurnian terhadap enam (6) kursus Wajib Universiti (WU) bagi memastikan kursus tersebut memenuhi konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Selain itu, program Diploma Siswazah Pengajian Islam bakal ditawarkan dengan kerjasama USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd. Selain daripada itu, program Pendidikan Sepanjang Hayat atau 'Madal Hayah' di setiap fakulti dan pusat tanggungjawab akan ditawarkan pada tahun 2016. USIM juga telah diberi mandat oleh KPT untuk menerajui penyediaan Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).
15. Selaras dengan hasrat KPT untuk inisiatif Pendidikan Fleksibel, USIM berusaha untuk mensasarkan 100% penggunaan bahan Massive Open Online Course (MOOC) dalam kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) pada tahun 2016. Taklimat, kursus serta latihan pemantauan kepada para pensyarah dilakukan secara berkala bagi membudayakan pendidikan fleksibel di

USIM. Berdasarkan pencapaian pada tahun 2015, 30% daripada komponen P&P di USIM adalah menggunakan bahan di dalam platform MOOC dan ini adalah selari dengan keperluan *blended learning*

MENCIPTA INOVASI UNTUK KESEJAHTERAAN UMMAH

Hadirin sekalian

**Nakhoda belayar penuh berani
Henti bersauh di Pulau Rokan
Penyelidikan berimpak inovasi terkini
USIM ternama menjadi rujukan**

16. TERAS 2 PS-USIM:16&25 yang bertemakan **Penyelidikan & Inovasi Yang Relevan Kepada Industri Dan Kesejahteraan**, telah disusun tanggungannya untuk kita daki. Berdasarkan KPI yang telah diletakkan oleh KPT pada USIM tahun ini, beberapa aspek penting seperti penerbitan akan menjadi fokus utama. KPT telah mensasarkan USIM dengan 0.5 penerbitan dan 3.0 sitasi bagi setiap pensyarah. Ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai tetapi berdasarkan pelan strategik yang telah dirangka perkara ini bukanlah mustahil untuk kita peroleh.

17. Di bawah Teras 2 PS-USIM:16&25, sebanyak 10 sasaran telah dirangka bagi mencapai hasrat murni USIM'16. Selain itu, strategi untuk meningkatkan penarafan bintang MyRA juga dilihat amat penting bagi melonjakkan nama USIM dalam bidang penyelidikan. Untuk makluman, MyRA merupakan salah satu instrumen bagi memantau prestasi dan menilai pencapaian universiti dalam aspek penyelidikan secara tahunan. Pada tahun lepas (berasaskan prestasi penyelidikan tahun 2014), USIM hanya memperoleh dua bintang MyRA. Adalah menjadi harapan saya untuk USIM meningkatkan bintang kepada tiga/empat pada tahun-tahun mendatang.

18. Geran penyelidikan adalah merupakan satu sumber penting untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Pada tahun ini, USIM mensasarkan untuk meraih sebanyak RM10 juta (peningkatan RM1.5 juta jika dibandingkan dengan tahun 2015, RM8.5 juta) melalui geran penyelidikan yang ditawarkan oleh kerajaan, swasta dan juga antarabangsa. Perkara ini bukanlah mustahil kerana USIM pernah pada tahun 2013 mendapat capaian dana geran sehingga RM12 juta. Untuk makluman, pada awal Januari lepas USIM telah berjaya buat kali pertama memperoleh geran

TRGS dengan dana sebanyak RM1,246,550.00. USIM adalah antara 8 IPTA dari seluruh negara yang berjaya tersenarai sebagai penerima geran TRGS ini. Kejayaan seperti ini turut kita rasai pada tahun lepas di mana USIM pertama kali juga memperoleh geran PRGS (Geran Prototaip) berjumlah RM71,000.00. USIM juga akan memohon geran MyLab pada tahun ini.

19. Selain itu, suka juga saya ingatkan dan memberi saranan kepada semua pensyarah untuk cuba merebut peluang penyelidikan melalui skim geran *Public Private Research Network* (PPRN) yang telah disediakan oleh KPT. KPT telah menyediakan hampir RM50 juta peruntukkan bagi penyelidikan PPRN ini.

20. Penglibatan semua pensyarah dalam membuat penyelidikan adalah kritikal untuk memacu USIM'16. Pada tahun ini, sasaran USIM adalah untuk memperoleh 60% pensyarah sebagai penyelidik utama (PI). Sasaran ini boleh dicapai kerana rekod tahun lepas menunjukkan pencapaian sebanyak 52%. Ini turut menunjukkan bahawa USIM tidak menggerakkan 'keupayaan yang sebenar' para pensyarahnya dalam penyelidikan untuk capaian MyRA dua bintang yang telah diperolehi. Oleh yang

demikian, saya mohon kepada semua pensyarah untuk sentiasa mencari peluang memohon gerangan yang ada untuk meningkatkan peratus PI ini.

21. Sebagai seorang pensyarah, setiap dari kita mempunyai tanggungjawab & peranan tinggi dalam membantu universiti melalui skop tugas hakiki sebagai pensyarah iaitu aktiviti P&P, penyelidikan, penyeliaan, penerbitan dan libatsama masyarakat. Pada tahun ini, USIM meletakkan harapan kepada semua pensyarah untuk meningkatkan penerbitan dalam jurnal berindeks (ISI/SCORPUS/ERA). Berdasarkan data peratusan yang telah dianalisis dan dibentangkan sebelum ini, saya dapati masih ramai dalam kalangan pensyarah yang tidak menerbitkan dalam jurnal. Perkara ini perlu untuk kita insaf bersama-sama demi USIM sebagai sebuah universiti berteraskan sains & Islam.

22. Bagi Kursi Penyelidikan pula, dana kursi sebanyak RM2 juta bagi 4 kursi telah disasarkan. Hal ini relevan di mana USIM sebelum ini juga telah berjaya dalam memperoleh dan melaksanakan empat kursi penyelidikan. Untuk makluman, InshaAllah dalam masa terdekat ini kita akan memperoleh satu kursi penyelidikan di bawah UNESCO untuk diletakkan di

USIM. Kursi ini adalah untuk penyelidikan dalam bidang *Future Studies*. Oleh itu, saya yakin dan percaya sasaran ini dapat kita tuntaskan dengan jayanya. In sya Allah.

23. Di samping itu, sasaran juga diletakkan kepada setiap fakulti untuk mengadakan kerjasama strategik atau MOA dengan industri, NGO atau agensi kerajaan. Untuk permulaan, kita mensasarkan satu fakulti satu MOA (industri, NGO atau agensi kerajaan). Saya berharap Dekan Fakulti dapat menyahut saranan ini dan berusaha untuk merealisasikannya demi USIM tercinta.
24. Hasrat murni USIM'16 diteruskan pula dengan pembangunan dalam inovasi. USIM mensasarkan untuk memperoleh 20 hakcipta yang berdaftar serta dua paten yang berjaya difailkan. Ini adalah sebagai langkah proaktif USIM yang telah mendapat Indeks Produktiviti = 0 dalam bidang inovasi pada tahun lalu.
25. Saban tahun, pelbagai produk inovasi berjaya dihasilkan oleh para pensyarah dan pelajar USIM. Pada tahun ini, USIM mensasar untuk mengkomersialkan sekurang-kurangnya tiga produk inovasi yang telah sedia ada. Usaha kearah ini

telahpun dijalankan sejak tahun lalu melalui Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (PIJIM) untuk produk HURMA (pakaian pesakit yang dihasilkan oleh pelajar FPSK yang telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa). Selain itu produk yang dihasilkan oleh pensyarah FEM dan turut mendapat pengiktirafan emas pada PECIPTA tahun lalu iaitu *Muamalat Interactive Game* (MIG) juga dilihat berpotensi tinggi untuk dikomersialkan. Pengkomersilan MIG adalah selaras dengan hasrat YB Menteri Pendidikan Tinggi agar komponen gamification turut diberikan perhatian dalam aktiviti P&P. Saya berharap usaha pengkomersilan produk penyelidikan ini dapat digembleng bersama agar ia memberi manfaat kepada kumpulan sasaran dan berupaya mensejahterakan ummah.

26. Sasaran kita untuk memperoleh ISO bagi salah satu makmal penyelidikan telah berjaya kita capai pada Januari 2016 yang lepas apabila makmal penyelidikan IHRAM telah diberi pengiktirafan akreditasi ISO/IEC 17025 *General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories*, skop analisis di bidang pengesanan DNA porsin di dalam daging mentah dan makanan semi proses. Fungsi pengiktirafan ini amat penting di mana setiap

keputusan yang dianalisis oleh makmal IHRAM adalah dipercayai dan boleh diterima umum berdasarkan standard yang telah ditetapkan. Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan IHRAM yang telah 'bersengkang mata' untuk mendapat pengiktirafan ini. Semoga usaha ini menjadi amalan soleh kalian. Aamiin.

27. Dalam usaha mengangkat aktiviti penyelidikan di USIM, pengurusan aktiviti penyelidikan akan difokuskan di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) dengan memperkasakan kluster bidang penyelidikan yang dipanggil JAWAHER. Setiap pensyarah perlu memilih COE atau kluster Jawaher yang sesuai sebagai platform penyelidikan mereka. Strategi ini dilakukan untuk menjadikan pentadbiran penyelidikan dan akademik di USIM lebih fokus. Fakulti akan menjuarai kepengurusan akademik manakala CoE akan menjuarai kepengurusan penyelidikan. Di samping itu, strategi ini adalah bagi memastikan penglibatan semua pensyarah dalam penyelidikan secara kolektif dan mengelakkan pertindihan bidang penyelidikan di fakulti. Kita yakin dan percaya jika strategi ini berjaya dilakukan, hasrat USIM untuk memperoleh Hi-COE akan menjadi kenyataan satu hari nanti. Mohon didoakan. Aamiin !

MELAHIRKAN GRADUAN TERBILANG

Hadirin sekalian,

**Pukat ditarik menjerat sembilang
Hilang berenang terlepas di tangan
Perencanaan cantik siswa terbilang
Graduan ulung kan kita lahirkan**

28. Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) USIM telah dilancarkan oleh YAB. Menteri Besar, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan pada 4 September 2015. Model ini meliputi 21 ciri graduan yang merangkumi elemen holistik, berkeusahawanan dan seimbang melalui integrasi ilmu Naqli dan Aqli yang menepati lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi.

29. Menerusi model ini, USIM mensasarkan 100% graduan memperolehi Skor GIINA sekurang-kurangnya 50%. Satu kajian rintis melibatkan kumpulan pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Pengajian Aqidah dan Agama dengan Kepujian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan(FPSK) telah dilaksanakan pada Semester I, Sesi Akademik 2015/2016 untuk menilai

keupayaan Model GIINA sebagai elemen dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (i-CGPA).

Hadirin sekalian,

30. Program keusahawanan siswa akan menjadi salah satu fokus yang akan diberi penekanan secara serius di mana Naib Canselor sendiri akan melakukan pemantauan secara langsung setiap 3 bulan. Dalam hal ini Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) USIM diamanahkan untuk merancang dan melaksanakan program-program keusahawanan yang berdaya maju. Bermula 1 Februari 2016, Pusat Kemudahan Pelajar (PKP) telah diletakkan pengurusannya di bawah PPKS sebagai *enabler* untuk menggerakkan program keusahawanan siswa. Diantara program pengukuhan yang dilakukan untuk pembudayaan aktiviti keusahawanan dikalangan pelajar adalah program HOPE (*Hands on Programme Of Entrepeneuship*) yang dilaksanakan bersama Syarikat Perfect Triangle Sdn Bhd. Pelaksanaan HOPE adalah sangat relevan dalam usaha USIM untuk melahirkan lebih ramai graduan usahawan kerana HOPE menekankan komponen praktikal sebanyak 80% dan komponen teori sebanyak 20% di dalam sistem penilaiannya. Dalam melahirkan usahawan Muslim yang mengamalkan nilai-nilai Islam, PPKS menghasilkan satu

modul Latihan Asas Keusahawanan Islam Siswa (LAKIS) yang dijalankan selama lima hari di luar kampus. Dalam program ini para pelajar diingatkan tentang kepentingan solat sunat dhuha, membaca surah al-waqiah dan juga mathurat pada setiap pagi supaya rezeki sentiasa mudah untuk diraih. Para pelajar juga dididik tentang amalan bersedekah serta mengeluarkan zakat perniagaan.

31. Penglibatan alumni yang berjumlah melampaui 12,000 orang secara terus dalam pembangunan pelajar USIM akan turut diberikan laluan arus perdana melalui penubuhan Kelab Mantan-YDP MPP USIM. Perjumpaan pertama telah pun diadakan pada November 2015.

PEMBANGUNAN BAKAT BERPRESTASI TINGGI

Hadirin sekalian

Merah senja indah suasana

Hilang mentari rembulan berganti

Pembangunan Bakat memperkasa rencana

Melaksana dasar membuah kreativiti

32. PS-USIM:16&25 melalui Teras Empat : **Governan & Pembangunan Modal Insan Yang Boleh Menarik Dan Mengekalkan Bakar Terbaik Bersifat Global, Multi Bahasa Dan Seimbang** memberikan ramuan untuk mentransformasikan bakat manusia di dalam universiti.

33. **Bakat Manusia Berprestasi Tinggi** : Seajar dengan nic integrasi ilmu Naqli dan Aqli, USIM ke arah tadbir urus yang mematuhi syariah (*syariah compliant*), USIM telah mensasarkan untuk mendapat Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan Syariah MS 1900:2015 pada penghujung tahun ini. Sebagai contoh, Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) telah menyediakan *Standard Operating Procedure (SOP)* tatacara pelaksanaan mesyuarat rasmi berdasarkan perspektif Islam di USIM sebagai panduan dan rujukan semua PTJ di USIM. Selain itu, Latihan dan Kursus Kakitangan Pentadbiran USIM anjuran Bahagian Modal Insan (BMI) telah menganjurkan Program Eksplorasi Qalbu di mana program bersifat *outdoor* ini dilaksanakan bertujuan untuk memupuk kecemerlangan diri yang berlandaskan kesempurnaan ibadah dan menerapkan akauntabiliti dan integriti sekaligus mengangkasa imej USIM berteraskan kesebatian Naqli dan Aqli dikalangan warganya. Usaha ini adalah bagi membangunkan dan memperkasakan kakitangan pentadbiran yang mempunyai pengetahuan, nilai, prinsip dan kemahiran yang relevan serta inovatif.
34. Sebagai tambahan, kakitangan pentadbiran USIM terus diperkasakan melalui pelaksanaan Subject Matter Expert

(SME) iaitu usaha inovasi oleh Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) bagi Pegawai Latihan Peringkat PTJ yang telah diamanahkan untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu SME untuk diketengahkan. Kini, sebanyak 51 modul iNaQ telah dibangunkan dan kini dalam proses penerbitan buku secara edaran terhad.

35. Untuk meningkatkan kecekapan organisasi dan mengoptimumkan sumber, Universiti telah bersetuju untuk menjajarkan semula fungsi dan bidang kuasa PTJ. Ini dilaksanakan untuk mengelakkan pertindihan fungsi dan boleh mengawal kos operasi sesuai dengan strategi pengoptimuman bajet operasi pada tahun ini. Justeru, suka saya mengumumkan bahawa Universiti telah bersetuju untuk melaksanakan penggabungan di antara Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PiPP), Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL Centre) dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM). Penggabungan PTJ ini dijangka akan dilaksanakan pada Mac 2016.

36. Bagi melaksanakan produktiviti kerja yang mantap, warga USIM perlu menjaga kesihatan melalui riadah. Riadah adalah sunnah Rasulullah SAW dan akan terus diberikan penekanan di USIM.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu” (Hadis Riwayat Bukhari).

Menunaikan hak terhadap tubuh badan bererti menikmati tahap upaya badan yang benar-benar baik dan selamat dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani secara optimum sehingga berupaya mencapai potensi dan matlamat kehidupan yang dipandukan agama.

Selain kemudahan sukan sedia ada, USIM melalui Kelab Rekreasi & Aktiviti Lasak (K-REAL) dan JPPF telah menyediakan kemudahan trek basikal *on road* dan *off road*. Penubuhan K-REAL antara lain adalah untuk memfokuskan aktiviti riadah ekstrem seperti mendaki gunung, berbasikal, *motorcross* dan lain-lain.

Selain daripada itu, untuk menyemarak budaya beriadah di USIM, #riadahUSIM diperkenalkan untuk membolehkan seluruh warga USIM men'tag' semua gambar aktiviti riadah di USIM yang diposkan dalam media sosial. USIM juga ingin membuka penyertaan di kalangan semua warga USIM untuk terlibat dalam program riadah yang terstruktur untuk pengurangan berat badan. Mereka yang berjaya

mengurangkan berat badan dan memenuhi kriteria tertentu akan dipilih sebagai ikon FitUSIM dan akan disematkan dengan pin #FitUSIM.

KAMPUS SELESA DAN SEJAHTERA

Hadirin sekalian

**Selemba kertas sebatang pena
Dicoret halus lukisan berseni
Kampus indah prasarana sempurna
Bahagia warganya bertakhta di hati**

37. Sebagai sebuah universiti, adalah menjadi tanggungjawab USIM untuk terus memberikan komitmen tinggi dalam menyediakan kemudahan fizikal dan persekitaran yang mencukupi, berkualiti serta kondusif bagi tujuan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Mendasari intipati TERAS 5: **Kemudahan Fizikal & Prasarana Yang Kondusif Bagi Pembelajaran Dan Penyelidikan**, USIM telah menggariskan pelan tindakan holistik ke arah ini.
38. Seperti yang dimaklumi bahawa tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar khususnya aspek ekonomi yang agak mengekang. Sehubungan itu, universiti mengambil strategi untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan untuk pembinaan projek pembangunan di

kampus USIM. Didalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) USIM telah memajukan permohonan untuk 5 cadangan projek pembangunan namun hanya berjaya mendapat kelulusan untuk 2 pembangunan projek utama sahaja iaitu pembinaan bangunan Fakulti Pergigian (FPG) dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) yang akan diimulakan pada tahun ini dan dijangka siap pada akhir tahun 2019. Justeru, projek pembangunan melalui dana wakaf menjadi alternatif dan perlu dipergiat dan diusahakan. Ini sesuai dengan USIM yang telah mendapat status mutawalli dari Majlis Agama Negeri Sembilan, MAINS pada 22 Julai 2013. Antara projek pembangunan berasaskan dana wakaf yang ingin disasarkan oleh universiti adalah pemulihan & pembinaan Kolej Kediaman dan Pusat Konvensyen USIM.

39. Untuk mewujudkan budaya IQRA' atau membaca di kalangan warga kampus terutamanya bahan bacaan ringan dan *leasure*, konsep *Little Free Library* (LFL) telah diperkenalkan di dalam kampus. USIM merupakan Universiti Awam pertama di negara ini yang mendaftar di *LittleFreeLibrary.org*. yang berpangkalan di New York. Little Free Library adalah berkonsepkan "*Take A Book, Return A Book*". LFL akan dijadikan sebagai strategi penjenamaan untuk budaya ilmu secara santai dan akan

diperkenalkan ke sekolah-sekolah angkat dan kluster USIM.

40. USIM turut mensasarkan untuk menjadikan Perpustakaan USIM lebih '*inviting*' dan mesra pengunjung dengan menjadikannya ia tempat yang tidak terlalu 'formal'. Idea-idea bernas & lebih kreatif mahasiswa USIM yang menepati tema 'dari mahasiswa untuk mahasiswa' dialukan agar mahasiswa lebih selesa untuk mengulangkaji dan berdiskusi diperpustakaan. Ini termasuklah mewujudkan lebih banyak ruang mesra pengunjung seperti sudut santai, sudut kanak-kanak dan lain-lain yang bersesuaian bagi menarik minat pengunjung datang ke perpustakaan USIM.

MEMPERTEGUH KEWANGAN MENERUSKAN KELANGSUNGAN

Hadirin sekalian,

41. Apabila universiti diberikan status autonomi, pengiktirafan ini hadir bersama cabaran kepada Universiti untuk menerokai sumber kewangan kedua selain dari peruntukan yang diterima dari agensi pusat. Cabaran ini kita ambil dan suratkan dalam PS-USIM:16-25 melalui TERAS 6 iaitu **Kemampuan Kewangan**. Untuk tahun

2016 ini, USIM diluluskan peruntukan Belanja Mengurus daripada Kementerian sebanyak **RM142** juta berbanding **RM173** juta pada tahun 2015. Ini bermakna pengurangan sebanyak **RM31** juta atau 18%, sedangkan USIM memerlukan sekurang-kurangnya **RM202** juta untuk menampung perbelanjaan operasi pada tahun ini.

42. Maka, demi kelangsungan universiti, USIM harus membuat penjanaaan sendiri. Pada tahun ini pihak Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperkenalkan formula pendanaan baru dalam menyalurkan peruntukan kepada Universiti Awam di mana dana diberi berdasarkan kepada pencapaian KPI yang telah ditetapkan. Peratusan saluran dana pengurusan yang yang 'diikat' dengan pencapaian KPI akan ditingkatkan dari tahun ke tahun bermula dengan 5% pada tahun ini.

Hadirin sekalian,

43. Di bawah Teras ke 6 PS-USIM:16&25, 13 inisiatif penjanaaan telah mula dilaksanakan dan jumlah yang disasarkan adalah RM70 juta sahaja. Aktiviti penjanaaan difokuskan kepada sumber **wakaf, endowmen dan zakat.**

44. **Penjanaan oleh PTJ menerusi Akaun Enterprise** perlu lebih serius dan dipergiatkan. Ini kerana menerusi Akaun Enterprise, PTJ mempunyai lebih fleksibiliti untuk melaksanakan projek dan aktiviti. Malahan, boleh membuat lantikan kakitangan secara sambilan atau kontrak. Pada tahun ini kita mensasarkan pulangan daripada penjanaan PTJ sebanyak RM2 juta. Hadirin sekalian, berdasarkan rekod tahun lepas, tiga PTJ yang berjaya membuat janaan tertinggi adalah:

- i. USIM 'Alamiyyah = RM68,920.00
- ii. ACREDA = RM63,739.62
- iii. STRACOMM = RM63,201.25

Tahniah diucapkan & selamat mengekalkan prestasi pada tahun ini.

45. **Sayap perniagaan USIM, USIM Tjjarah Holdings Sdn Bhd** perlu diperkukuhkan dengan agresif. Peranan UTHSB tidak boleh dikesampingkan kerana banyak peluang penjanaan perlu disandarkan dengan kemampuan anak syarikat USIM ini. Dalam hal ini, USIM Tjjarah perlu cepat matang dan segera memperkukuhkan pengurusan dalaman mereka. USIM Tjjarah juga perlu berani meneroka peluang-peluang perniagaan yang berpotensi dan relevan.

46. Pengurusan Universiti juga telah menambahbaik **kaedah bayaran yuran untuk mengoptimumkan kutipan dan hasil**. Dalam hal ini, peraturan sekatan kepada pelajar yang berhutang yang telahpun lama dilaksanakan di universiti awam yang lain akan terus dilaksanakan. Untuk makluman hadirin, keseluruhan hutang yang masih belum dikutip berjumlah RM19.2 Juta. Jika semua hutang yang masih belum dijelaskan dapat dikutip, maka ia boleh disalurkan untuk membiaya program-program universiti.
47. **Kos utiliti** yang perlu ditanggung oleh Universiti juga amat besar. Tahun lalu sahaja sebanyak **RM14.3** juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini. Sudah sampai masanya kita perlu kepada tindakan penjimatan yang lebih drastik, realistik dan praktikal. Sebagai contoh, pada semester lepas, kita telah memperkenalkan jadual perkhidmatan bas yang baru di mana perkhidmatan bas dari kolej kediaman ke kampus dan sebaliknya dihadkan pada waktu pagi dan petang sahaja.
48. Selain penjimatan ke atas utiliti, beberapa peraturan sedia ada juga akan disemak semula untuk melihat ruang-ruang penjimatan yang boleh dilakukan. Antara peraturan yang terlibat termasuklah:
- i. Penyelarasan ke atas bayaran Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran (*Gratuity*) kakitangan kontrak;

- ii. Pelantikan semula kakitangan kontrak berdasarkan prestasi kerja yang tinggi sahaja;
- iii. Tempahan penerbangan hendaklah dibuat secara terus tanpa melalui agen atau menggunakan waran; dan
- iv. Kerja-kerja penyelenggaraan kecil dilakukan sendiri oleh kakitangan teknikal JPPF tanpa menggunakan khidmat kontraktor.

USIM DEKAT DIHATI MASYARAKAT

Hadirin sekalian

49. Bagi mencapai hasrat untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau dan global, semestinya penjenamaan dan pemposisian yang konsisten dan efektif perlu diperkasakan. Usaha ini telah dimulakan secara istiqamah dan diteguhkan dalam **TERAS 7: Penjenamaan Dan Pemposisian Yang Konsisten Dan Efektif**. Ini penting untuk memastikan supaya USIM sentiasa menjadi nombor satu di hati dan di minda masyarakat serta dirujuk (*referred*), dihormati (*respected*) dan relevan (*relevant*).

50. Antara strategi untuk meletakkan USIM pada posisi yang tepat dan terkehadapan adalah dengan mengukuhkan jenama USIM menerusi program-program yang telah sedia menjadi *signature* atau *trademark* Universiti ini seperti program Global Islamic Student Outreach (GISO), kurikulum akademik berteraskan integrasikan ilmu naqli dan aqli yang unik, konsortium i-IQRA' serta program-program khidmat masyarakat seperti Karnival Daerah Negeri Sembilan 2016 anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) . Selain itu, setiap Fakulti & PTJ perlu ada *Signature Program* masing-masing. Justeru, semua dekan fakulti, pengarah COE dan semua ketua PTJ dimohon untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu showcase yang boleh diangkat untuk menjadi jenama USIM di peringkat serantau.
51. Selain itu, imej USIM perlu dipertingkatkan menerusi perkhidmatan-perkhidmatan yang menjadi “pintu masuk pertama” kepada USIM seperti laman web dan perkhidmatan kaunter. Perkhidmatan kaunter yang cekap dan berkualiti bukan sahaja dapat mengangkat imej Universiti di mata pelanggan dan masyarakat luar yang membuat urusan, malahan dapat meningkatkan komunikasi, mengurangkan pertikaian, karenah birokrasi dan menyelesaikan isu dan permasalahan. Sehubungan itu, Pengurusan telah bersetuju supaya perkhidmatan

kaunter dipertingkatkan antara lain menerusi kaedah pelantikan petugas kaunter di kalangan pelajar antarabangsa. USIM telah sedia mempunyai peraturan pelantikan tersebut, tetapi akan diperkemas dan ditambahbaik oleh Bahagian Modal Insan, Jabatan Pendaftar. Pelantikan ini telah dimanfaatkan oleh USIM 'Alamiyyah dan saya menggalakkan PTJ yang mempunyai urusan secara langsung dengan pelajar antarabangsa seperti Pusat Pengajian Siswazah, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan sebagainya supaya memanfaatkan skim lantikan ini juga. *Respon time* juga perlu dipercepatkan bagi mewujudkan suasana kerja yang professional dan sistematik di mana maklumat atau tugas yang diamanahkan perlu dilaksanakan segera tanpa bertangguh.

52. Seterusnya, USIM melalui Pusat Komunikasi Strategik (Stracomm) akan meneruskan jaringan kerjasama yang intim bersama media tempatan sebagai satu strategi untuk mempromosikan USIM di dalam media perdana. Majlis bersama media atau *media night* yang telah diadakan bermula tahun 2014 akan diteruskan. *Media Night* merupakan platform bagi meraikan serta memberi penghargaan kepada organisasi media yang sentiasa memberi sokongan serta membuat liputan berkenaan USIM. Selain itu, kerjasama strategik yang lebih formal

dengan media menerusi perjanjian kerjasama MoA atau Mou juga akan dilaksanakan. Pada tahun 2013, secara purata terdapat 2 artikel mengenai USIM di media tempatan berbahasa Melayu dan Inggeris setiap hari dengan Return on Investment (ROI) kira-kira 23 juta ringgit. Tahun 2015 memperlihatkan peningkatan lebih dua kali ganda dengan hampir 5 artikel berkaitan USIM dilaporkan di media setiap hari dengan pulangan ROI melebihi 38 juta ringgit. Pada tahun 2016, USIM mensasarkan secara purata 6 artikel mengenai USIM muncul di media setiap hari dengan sasaran ROI 39 juta ringgit. USIM juga mensasarkan kira-kira 30 peratus daripada liputan tersebut adalah di akhbar berbahasa Inggeris. Hasil kerjasama akademik antara USIM dengan rakan strategik serantau sepanjang 2015 juga memperlihatkan USIM turut mendapat liputan media antarabangsa antaranya di Nigeria, Indonesia, Brunei dan Thailand. Peningkatan kerjasama akademik dan penyelidikan di tahun 2016 diharap dapat melonjakkan lagi reputasi USIM sebagai pusat rujukan integrasi ilmu Naqli dan Aqli serantau di peringkat dikalangan media antarabangsa.

53. Klinik Pakar Kesihatan USIM di Nilai Square, Bandar Baru Nilai telah mula beroperasi dari bulan April 2015. Penubuhan klinik ini adalah hasil kerjasama dengan Majlis

Agama Islam Negeri Sembilan. Selain daripada itu, MAINS juga telah memberi komitmen untuk penubuhan Klinik Hemodialisis USIM-MAINS.

54. USIM dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan telah melancarkan Klinik Pakar Mata Bergerak (Klip Mobile) pada 18 November 2015 di mana klinik mata berkonsepkan van bergerak ini telah dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan berjumlah RM 650,000.00. Dibawah Strategi Lautan Biru Negeri, kesihatan telah dipilih sebagai tumpuan. USIM telah dipilih untuk menerajui Projek Cahaya. Dibawah projek ini, pakar mata dari USIM akan membuat lawatan keluar bandar menggunakan Klinik Pakar Mata Bergerak yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk membuat saringan masalah penglihatan terutamanya dikalangan warga emas terutamanya. Khidmat pakar yang dibawa keluar bandar, memberi akses dan manfaat kepada pesakit yang tidak mampu. Bagi tahun 2016, Klip Mobil USIM akan menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat Negeri Sembilan secara lebih meluas.

Hadirin sekalian,

55. Dalam konteks penjenamaan USIM, suka saya mengumumkan juga bahawa pada tahun ini, pelbagai program besar telah dirancang di dalam kalendar USIM. Antaranya,
- i. Program CEO Fakulti bersama YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, CEO CIMB Berhad pada 8 Mac 2016;
 - ii. Perasmian Kolej PERMATA Insan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 April 2016;
 - iii. Tuan rumah Sukan Staf antara Universiti Malaysia 2016 pada Ogos; dan
 - iv. Penganjuran *Arab–Asian Global Higher Education Summit* 2016 pada Oktober.
56. Sebagai penganjur dan tuan rumah, pamerkanlah akhlak yang tinggi dan berikanlah yang terbaik serta profesional. Akhlak dan profesionalisme, yang lahir dari menifestasi naqli dan aqli, merupakan '*tool*' paling ampuh untuk penjenamaan USIM.
57. Untuk makluman, 15 Februari 2016 yang lepas telah dilancarkan menu ihtimam (*prihatin@caring*) USIM untuk warga USIM yang kurang berkemampuan. Inisiatif ini merupakan usaha bagi membantu kebajikan warga USIM terutamanya kalangan pelajar di samping menyahut

saranan Menteri Pendidikan Tinggi dalam memastikan kebajikan pelajar di universiti terbelas. Usaha murni ini telah mendapat sokongan yang padu daripada pengurusan universiti, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), International Student Society (ISS) serta pengusaha kafe D'Sara iaitu Puan Hanisah Ibrahim. Menu Ihtimam USIM menawarkan sarapan pagi yang berharga RM1.50 dan makan tengahari berharga RM3.00. Semoga usaha murni ini mampu membantu pelajar serta mengelakkan kes pelajar yang tidak makan.

PENUTUP

58. Mengakhiri ucapan amanat saya pada pagi ini, saya mengucapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga USIM yang hadir dan tetap menunggu sehingga ke akhir majlis. Kepada seluruh ahli jawatankuasa pelaksana dan petugas, saya amat menghargai komitmen dan usaha keras anda semua, sehingga majlis ini dapat disempurnakan.
59. Semoga perhimpunan ini, mendapat berkat dan redha Allah SWT, dan kepadaNYA kita himpunkan segala doa, pengharapan dan tawakal agar segala yang kita usahakan akan dipermudahkan.

- Bacaan doa oleh NC-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ, وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ

Ya Allah! segala puji bagi Mu Tuhan yang memiliki seluruh alam, menguasai langit dan bumi dan mentadbir segala urusan. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, Nabi yang Engkau utuskan membawa rahmat sekalian alam.

Ya Ghaffar! Kami menadah tangan, memohon keampunan daripada Mu. Ampunkanlah dosa-dosa kami, dosa ibu-bapa kami dan dosa seluruh warga USIM.

Ya Rahman, Ya Rahim! Limpahkanlah kami rahmat Mu yang luas, agar kami dapat bekerja sebagai satu pasukan, dalam mencapai cita-cita murni Universiti Sains Islam Malaysia, agar terus maju ke hadapan dan merealisasikan agenda ummah.

Ya Haafiz! Limpahilah kami warga USIM, serta keluarga kami, kesihatan yang baik, minda yang cerdas, emosi yang tenang dan hati yang ikhlas, agar kami dapat menyempurnakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan berintegriti.

Ya Muhaimin! Satukanlah hati-hati kami dalam menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Anugerahkanlah kepada kami buah fikiran yang bernas dalam merealisasikan visi dan misi Universiti.

Ya Haadi! Pimpinlah kami ke arah yang lebih baik. Agar Hari ini lebih baik dari semalam, hari esok lebih baik dari hari ini. Ikhlasikanlah hati kami dalam melaksanakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan, demi mencapai redha Mu ya Allah. Tinggikanlah darjat kami dengan ilmu pengetahuan dan takwa kepada Mu.

Ya Aziim! Jadikanlah Universiti Sains Islam Malaysia sebagai Universiti yang dipenuhi dengan keberkatan dan kejayaan. Berkat dalam mengembangkan ilmu dan berjaya dalam melahirkan para ilmuan yang berpaksikan kepada integrasi ilmu naqli dan aqli.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

وَصَلَّى اللهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

**Tersurat sudah citra amanat
Membentang tindakan bersulam harapan
USIM 16 gagasan muafakat
Laksana bersama maralah ke depan**

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.